



KENYATAAN MEDIA

PELEPASAN HAK PERSEKUTUAN KE ATAS TAPAK *RAJANG AREA SECURITY COMMAND* (RASCOM) SIBU, SARAWAK KEPADA KERAJAAN NEGERI SARAWAK

Mesyuarat Jemaah Menteri semalam telah bersetuju untuk melepaskan hak Kerajaan Persekutuan ke atas tapak *Rajang Area Security Command* (RASCOM) kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Kawasan yang diserahkan melibatkan ialah empat (4) kawasan di Sibu iaitu Nanga Tada, Nanga Jagau, Nanga Ngungun dan Nanga Sekuau dengan jumlah keluasan 3,655.60 hektar.

Keputusan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh hubungan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak selaras dengan semangat federalisme serta pengiktirafan terhadap pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Sejak tahun 2023, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan penyerahan semula sebanyak 64 lot tanah milik Persekutuan di Negeri Sarawak.

Pelepasan hak ini turut membuka ruang kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk merancang dan melaksanakan pembangunan yang lebih strategik di kawasan berkenaan, sekali gus mengoptimumkan penggunaan tanah bagi menjana pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat negeri ini.

Kerajaan MADANI kekal komited untuk memastikan pengurusan aset dan tanah milik Persekutuan dilaksanakan secara cekap, telus dan berteraskan semangat kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri demi kepentingan rakyat serta kemakmuran negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
30 JULAI 2026

